

ANALISIS FATWA BERKAITAN FAHAMAN DAN PEMIKIRAN AGAMA

Anhar Bin Opir
Jabatan Mufti Negeri Selangor

1.0 PENGENALAN

Islam adalah agama yang sangat mementingkan akidah. Akidah adalah perkara pertama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w untuk mengubah kepercayaan masyarakat Arab kepada keimanan kepada Allah s.w.t. Malahan, kunci kepada anutan agama Islam adalah aqidah yang menjadi akar kepada ajaran Islam yang terkandung dalam syahadah. Seseorang yang menyeleweng dalam akidah boleh membuatkan dia terkeluar daripada Islam.

Seperti mana masyarakat Arab, pengaruh pertama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu adalah aqidah dan kepercayaan. Dengan kedatangan Islam, ia telah mengubah kepercayaan masyarakat Melayu kepada tauhid mengEsakan Allah. Namun, mutakhir ini kita melihat pelbagai isu berkaitan fahaman dan pemikiran agama yang boleh menggugat aqidah Islam di negara ini datang dalam pelbagai bentuk. Tahun demi tahun gerakan pemikiran dan ajaran yang bertentangan dengan agama Islam tumbuh dan berkembang.

Oleh yang demikian, untuk menjaga akidah umat Islam di Malaysia amnya dan negeri Selangor khususnya, beberapa fatwa berkenaan fahaman dan pemikiran agama yang bertentangan dan menyeleweng daripada Islam telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor.

2.0 DEFINISI

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat perkataan FAHAMAN dalam salah satu definisinya membawa pengertian kepada kepercayaan (pegangan) individu atau masyarakat tentang sesuatu. Dengan erti kata lain, fahaman adalah suatu kepercayaan dan ideologi pemikiran yang terhasil daripada proses berfikir yang dipegang oleh individu atau masyarakat. Ia juga dikenali sebagai *isme*.

Seterusnya, perkataan PEMIKIRAN pula bermaksud perihal berfikir. Penggunaan perkataan ini menurut kebiasaannya adalah merujuk kepada hasil-hasil pemikiran yang telah berjaya dihasilkan oleh manusia melalui satu aktiviti atau gerakan pemikiran.

Perkataan AGAMA merujuk kepada agama Islam yang merupakan cara hidup. Ia meliputi perkara aqidah, syariat dan akhlak. Ia diwahyukan oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w. untuk kebaikan manusia di dunia dan di akhirat.

Manakala istilah FAHAMAN DAN PEMIKIRAN AGAMA ialah pemikiran agama dan kefahamannya yang berkaitan dengan aqidah, fiqh atau akhlak dalam ajaran Islam. Ia merujuk kepada semua hasil pemikiran yang telah dihasilkan oleh akal manusia yang menjadi ideologi dan pegangan yang menular dalam masyarakat sama ada ianya sesuatu yang baharu atau hasil daripada pengubahan ajaran agama Islam yang menyeleweng.

3.0 ANALISIS BEBERAPA FATWA SELANGOR

Berikut adalah antara fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor berkaitan fahaman dan pemikiran agama:

FATWA YANG TIDAK DIWARTAKAN

Tahun	Fatwa
2009	1. Fatwa Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyah Syeikh Nazim Haqqani
2012	2. Fatwa Mengenai Beberapa Penemuan Disyaki Bertentangan dengan Prinsip-prinsip Islam di Sebalik Aktiviti Persatuan Gerakan Warisan Silam
2017	3. Fatwa Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah

FATWA YANG DIWARTAKAN

Tahun	Fatwa
1995	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fatwa Tentang Ajaran Martabat Tujuh Pimpinan Hamzah Bin Embi 2. Fatwa Tentang Golongan Anti Hadis 3. Fatwa Tentang Tarikat Mufarridiah Ajaran Syeikh Makmun Bin Yahya 4. Fatwa Tentang Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau Dan Ayah Pin. 5. Fatwa Tentang Aurad Ismailiah Ajaran Mahmud Bin Haji Abdul Rahman. 6. Fatwa Tentang Ajaran Jahar Bin Dumin (Ilmu Hakikat). 7. Fatwa Tentang Ilmu Tajali Ahmad Laksamana (Hakikat Insan) 8. Fatwa Tentang Ajaran Nordin Putih 9. Fatwa Tentang Ajaran Haji Ghazali Bin Othman. 10. Fatwa Tentang Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya
1996	<ol style="list-style-type: none"> 11. Pindaan Fatwa Tentang Fahaman Dan Ajaran Yang Dipegang oleh Kumpulan Al-Arqam Pimpinan Haji Ashaari Muhammad
1998	<ol style="list-style-type: none"> 12. Fatwa Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam 13. Pindaan Fatwa Tentang Ilmu Tajali Ahmad Laksamana (HakikatInsa). 14. Fatwa Tentang Ajaran Ahmadiyah/Qadiani 15. Fatwa Tentang Ajaran Syed Mohamad Al Masyhor (Tarikat Islam Muhamad s.a.w. Habibullah Al-Hashimi) 16. Fatwa Tentang Ajaran Ilmu Hakikat Hassan Bin Jonit 17. Fatwa Tentang Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh)

	<p>18. Fatwa Tentang Ajaran Tijah @ Khatijah Bt. Ali</p> <p>19. Fatwa Tentang Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol</p> <p>20. Fatwa Tentang Fahaman Syiah</p> <p>21. Fatwa Tentang Ajaran Islam Jamaah</p>
2000	22. Pindaan Fatwa Tentang Ajaran Ahmadiyah/Qadiani
2001	<p>23. Fatwa Tentang Ajaran Zamree Bin Ab. Wahab</p> <p>24. Fatwa Tentang Ajaran Haji Banuar Bin Roslan</p> <p>25. Fatwa Tentang Fahaman Wahdatul Wujud</p>
2003	26. Fatwa Tentang Tarikat Al-Hasania
2004	27. Fatwa Tentang Ajaran Azhar Wahab
2006	28. Usaha-usaha Menghidupkan Semula Al-Arqam melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) dan Rangkaian Syarikat Gabungan
2007	29. Kumpulan Black Metal Serta Langkah Menanganinya
2011	<p>30. Hukum Ajaran Persatuan Perguruan Budi Suci Sejati Selangor</p> <p>31. Hukum Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia (N11) di Negeri Selangor</p>
2013	32. Fatwa Sighah Berkaitan Ajaran Syiah Di Negeri Selangor
2014	33. Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama
2015	<p>34. Fatwa Kedudukan Hizbut Tahrir</p> <p>35. Fatwa Fahaman Tarikat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah Di Bawah Pimpinan Md. Aleh Solihin Bin A. Sidiki</p>
2016	36. Fatwa Gerakan Militan Al-Dawla Al-Islamiya Fi Iraq Wa Al-Sham (Daesh), Atau Militan Islamic State In Iraq And Syams (ISIS), Atau Islamic State Of Iraq And The Levant (ISIL) Atau Militan Islamic State (IS)

Berdasarkan rekod fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan, terdapat banyak fatwa yang telah diwartakan berkaitan fahaman dan ajaran sesat yang bercanggah dengan ajaran Islam dan beberapa fatwa berkaitan pemikiran yang bertentangan dengan Islam. Sejak 1995 sehingga 2017 terdapat 36 fatwa negeri Selangor yang telah diwartakan berkenaan fahaman dan pemikiran agama. Manakala yang tidak diwartakan adalah sebanyak 3 fatwa.

Fatwa yang diwartakan adalah penting agar tindakan undang-undang dapat diambil bagi membanteras fahaman dan pemikiran yang menyeleweng yang dikaitkan dengan ajaran Islam. Ini sekali gus dapat menjaga dan memelihara kesucian agama Islam seterusnya menghindarkan orang ramai daripada terikut-ikut dengan sangkaan ia adalah benar.

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan ini adalah selepas melalui proses kajian dan penyelidikan yang dijalankan dengan begitu teliti dan mengambilkira pandangan pakar yang berkaitan dengan bidang berkenaan.

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Manakala tafsiran 'Islam' dalam perlembagaan telah diperincikan lagi menerusi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah antara lain juga telah menetapkan keputusan seperti berikut:

- a) Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.
- b) Menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri bagi memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri hendaklah agama Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunah Wal-Jamaah darisegi Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa:

- i. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak
- ii. Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif “Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” seperti berikut:
“Hukum syarak” atau “Undang-undang Islam” ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dari segi Aqidah, syariah dan Akhlak”
- iii. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah dilarang.
- iv. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja.
- v. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah diharamkan.

Jadi segala usaha untuk membawa masuk fahaman dan pemikiran yang bertentangan dengan keputusan fatwa ini telah disekat melalui pengeluaran fatwa yang mengharamkannya mengikut negeri. Berdasarkan penelitian jadual di atas, fatwa yang paling banyak direkodkan berkaitan fahaman dan pemikiran agama ialah ajaran sesat dan ajaran yang menyeleweng daripada agama Islam.

Jelasnya, di antara tahun 1995 sehingga tahun 2006, terdapat pelbagai ajaran dan fahaman yang telah difatwakan serta diwartakan sebagai menyeleweng daripada Islam

dan bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Dan bermula tahun 2007, negeri Selangor mulaewartakan fatwa berkaitan pemikiran-pemikiran yang mula memasuki ke dalam negeri ini seperti Fatwa Kumpulan Black Metal dan Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama.

Ajaran-ajaran ini ada yang khusus berlaku di Selangor sahaja dan ada yang berlaku di seluruh negara. Terdapat beberapa fatwa berkaitan fahaman dan pemikiran yang sama turut diharamkan di negeri-negeri lain, contohnya Kumpulan *Black Metal*, Syiah, Kumpulan Arqam, Azhar Wahab (Pengasas al-Mansur Holdings Sdn. Bhd) dan Tarekat Naqsyabandiyah adalah penyelewengan akidah.

Semua ajaran ini bercanggah dengan akidah Islam yang dibina berasaskan dua kalimah syahadah dan bertentangan dengan ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dalam fahaman dan ajaran di atas, terdapat kumpulan yang menafikan Rasulullah s.a.w sebagai rasul terakhir dengan mengaku menerima wahyu, ma'sum dan dapat memberi syafa'at kepada umat manusia.

Oleh itu bagi mengekang ajaran sebegini, Jabatan Mufti Negeri telah mengeluarkan fatwa dan mewartakannya supaya ia dapat diketahui oleh masyarakat dan pada masa yang sama dapat dikuatkuasakan. Bagi umat Islam di negeri Selangor yang melanggar fatwa yang telah diwartakan, boleh didakwa di bawah Seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Jika diteliti fatwa-fatwa berkaitan fahaman dan pemikiran agama yang menyeleweng ini, didapati terdapat juga beberapa fatwa yang dibatalkan dan dipinda seperti Sighah Fatwa Berkaitan Ajaran Syiah Di Negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa setiap fahaman dan pemikiran agama yang telah difatwakan sentiasa dipantau perkembangannya, dan jika memerlukan perubahan pada fatwa tersebut maka ia akan dilakukan.

Selain itu, menerusi buku Himpunan Fatwa (2000-2013) Jabatan Mufti Negeri Selangor yang telah diterbitkan, didapati fatwa berkenaan isu akidah adalah perkara pertama yang diutarakan di dalam buku ini. Hal ini menunjukkan betapa fatwa-fatwa negeri

Selangor amat memandang berat akan penyebaran fahaman dan pemikiran agama yang menyeleweng kerana ia adalah gejala yang boleh merosakkan akidah dan meruntuhkan agama seseorang muslim.

4.0 KESIMPULAN

Fahaman dan pemikiran agama yang menyeleweng merupakan isu serius yang perlu ditangani. Institusi fatwa berperanan dalam membendung penyelewengan agama Islam sama ada berkaitan aqidah, syariah mahupun akhlak melalui fatwa yang dikeluarkan yang perlu diwartakan. Proses taubat serta penguatkuasaan undang-undang juga perlu dilakukan. Fatwa-fatwa yang berkaitan perlu disebarluaskan dan diwar-warkan kepada masyarakat guna mengawal dan membendung kesesatan dan penyelewengan.